

Melibatkan 33 pusat pemindahan banjir berikutan penempatan mereka dinaiki air

2,545 dipindahkan di enam daerah

Oleh MAZNAH MOHD. ARSAD

pengarang@utusan.com.my

JOHOR BAHRU 20 Dis. - Seramai 2,545 penduduk dari enam daerah di negeri ini dipindahkan ke 33 pusat pemindahan banjir berikutan kawasan penempatan mereka dinaiki air setelah hujan lebat sejak semalam.



MOHD. MOKHTAR

Ketua Polis Johor, Datuk Mohd. Mokhtar Mohd. Shariff berkata, kesemua mereka terdiri daripada 556 keluarga yang melibatkan 39 kampung di enam daerah iaitu Batu Pahat, Kluang, Segamat, Pontian, Kulaijaya dan Johor Bahru Utara.

Menurutnya, bagi menangani masalah itu polis dengan kerjasama jabatan dan agensi berkaitan telah memulakan operasi menyelamatkan dengan menghantar bot-bot marin ke kawasan terlibat.

“Berikutan situasi ini saya ingin menasihatkan orang ramai yang diarahkan berpindah agar patuh dan jangan bimbang rumah yang ditinggal kerana ia akan dijaga oleh polis.

“Saya juga mengarahkan pasukan polis bergerak ke pusat-pusat pemindahan bagi memudahkan orang ramai membuat sebarang aduan dan kesulitan yang dihadapi oleh mereka,” katanya pada para pemberita, di sini hari ini.

Beliau menggesa orang ramai yang ingin mendapatkan maklumat mengenai perkembangan banjir boleh menghubungi bilik gerakan di talian 07- 2212999.